

07 MAY 1996

MAS DISARAN BUAT BAHAGIAN DALAMAN PESAWAT

KUALA LUMPUR, 7 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyarankan supaya Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) membuat bahagian dalaman pesawat di dalam negeri bagi membantu kerajaan mengurangkan defisit akaun semasa negara.

Perdana Menteri membuat saranan tersebut semasa melancarkan MAS Aerotechnologies Sdn Bhd di Subang, dekat sini. Anak syarikat MAS ini dahulunya merupakan bahagian kejuruteraan MAS.

MAS telahpun membuat pesanan untuk membeli 15 pesawat B777 dan 10 pesawat B747-400 daripada Boeing Commercial Airplane Company dengan anggaran kos RM10 bilion.

Kata Dr Mahathir adalah penting bagi Malaysia mengeluarkan komponennya di dalam negeri bagi mengurangkan import dan juga menghasilkan keluaran berkualiti untuk dieksport.

Menyebut tentang potensi MAS mengeluarkan lekapan dalaman kapal terbang di dalam negeri, Perdana Menteri berkata, syarikat penerbangan nasional itu juga boleh menghasilkan keluaran sedemikian untuk syarikat-syarikat penerbangan lain.

Dr Mahathir juga mencadangkan supaya MAS Aerotechnologies mengkaji kemungkinan membuat komposit dan alat ganti elektronik untuk kapal terbang.

Katanya: "Saya ingin sekali mengurangkan import negara."

Ditanya sama ada MAS harus melaksanakan program untuk mengeluarkan alat-alat ganti bagi 25 pesawat barunya itu, beliau menjawab: "Ya, MAS harus mencuba menghasilkan lekapan dan alat ganti kapal terbang sebanyak mungkin di dalam negeri."

Beliau juga berharap MAS Aerotechnologies akan disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur dan memberi sumbangan selanjutnya kepada pertumbuhan industri aero angkasa di Malaysia. -- BERNAMA

JSM KY SIA